

## Sistem wang sokongan untuk dapat pekerjaan sekolah-sekolah menengah

Ini adalah sistem yang kerajaan dapat membantu bayaran pengajian untuk sekolah menengah.

Sekolah menengah publik : Anda boleh mendapatkan bantuan sehingga 118,800 yen setahun.

→ Bayaran pengajian yang anda harus bayar adalah 0 yen

Sekolah menengah swasta : Anda boleh mendapatkan bantuan dari 118,800 yen hingga 396,000 yen setahun.

→ Mungkin ada sedikit bayaran pengajian (berapa ringgit anda harus bayar adalah bahawa mengikuti dengan pendapatan ibu bapa)

Bayaran pengajian akan dibayar oleh kerajaan ke sekolah.

Pelajar dan keluarga tidak akan menerima wang.

Semasa anda masuk sekolah, mereka akan memberitahu anda mengenai sistem ini.

Kalau anda ingin menggunakan sistem ini, sila memohon ke sekolah.

Kalau anda tidak akan membuat permohonan ini, anda perlu membayar oleh sendiri bayaran pengajian.

### Siapakah boleh ambil sistem ini?

Orang yang mempunyai alamat di Jepun dan pergi ke sekolah menengah.

### Sekolah-sekolah yang boleh digunakan sistem ini

- Sekolah menengah (sistem sehari penuh, sistem petang, sistem dalam talian) \* Kecuali untuk kursus profesional dan kursus lain
- Separuh masa kedua sekolah menengah \* Kecuali untuk kursus profesional dan kursus lain
- Sekolah menengah sekolah OKU
- Kolej teknologi (tahun 1 hingga 3)
- Kolej latihan khas (kursus tinggi dan biasa), sekolah lain-lain

Sistem ini boleh digunakan di sekolah asing juga. Nama sekolah-sekolah yang boleh gunakan sistem ini adalah ditunjukkan di dalam laman web di bawah.

[https://www.mext.go.jp/a\\_menu/shotou/mushouka/1307345.htm](https://www.mext.go.jp/a_menu/shotou/mushouka/1307345.htm)

Tetapi, kalau anda mengamalkan salah satu syarat yang berikut di bawah, anda tidak dapat menggunakan sistem ini.

- Orang yang pendapatan tahunannya sekitar 9.1 juta yen atau lebih
- Orang yang sudah lulus sekolah menengah
- Orang yang telah berada di sekolah menengah lebih dari 36 bulan



### Apa yang anda perlukan semasa anda memohon ini

Sila bawa dokumen-dokumen yang berikut di bawah ke sekolah anda.

- Permohonan pensijilan kelayakan untuk mendapat bantuan (Jukyusikakuninteisinseisho) (Anda boleh mendapatkannya di sekolah. Sila tulis apa yang anda perlukan)
- Salinan kad nombor anda (kad IC), atau salinan kad residen dengan nombor anda tertulis di atasnya.

Daripada salinan kad nombor anda, mungkin perlu menghantarkan dokumen cukai (sijil percukaian). Itu bergantung pada wilayah tempat sekolah itu berada.

Sila dengarkan maklumat sekolah dengan teliti.

Sistem ini hanya dapat digunakan oleh mereka yang telah menyelesaikan prosedur cukai (cukai penduduk tempatan).

Pastikan anda menghabiskan prosedur (penyata cukai penduduk tempatan) sebelum memohon.

Kalau anda mempunyai beberapa pertanyaan, sila tanya ke pejabat sekolah menengah.

Anda juga dapat ambil penjelasan terperinci mengenai sistem ini di laman web Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi (Monbukagakusho). (hanya orang Jepun)

[https://www.mext.go.jp/a\\_menu/shotou/mushouka/index.htm](https://www.mext.go.jp/a_menu/shotou/mushouka/index.htm)

### Sumber / Rujukan

「高校生等への就学支援」(文部科学省)

[https://www.mext.go.jp/a\\_menu/shotou/mushouka/1342674.htm](https://www.mext.go.jp/a_menu/shotou/mushouka/1342674.htm)

「高校で勉強したい外国人のみなさんへ～高等学校等就学支援金制度のことを教えます～」(文部科学省・出入国在留管理庁)

[http://www.moj.go.jp/isa/support/portal/guidebook\\_education.html](http://www.moj.go.jp/isa/support/portal/guidebook_education.html)

